

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Melayu
Date	19/08/2017C

Mahathir amal kuku besi?

Um-19/8/2017 Pg.14

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad didakwa mengamalkan sistem pentadbiran kuku besi dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) selain menggelarkan mana-mana pihak yang bersuara menentang pendirian beliau sebagai 'pemakan dedak'.

Ahli Exco Armada PPBM, Mohamad Taufik Abas berkata, majoriti ahli PPBM sebelum ini tertarik menyertai parti tersebut kerana pendekatan kebebasan bersuara yang sering dilaung-laungkan selain simpati dengan nasib yang menimpa Timbalan Presidennya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Selain itu, katanya, perjuangan PPBM kini berkisar kepa-



**MOHAMAD
TAUFIK ABAS**

da usaha membela nasib individu tertentu terutamanya Mukhriz yang bercita-cita menjadi Perdana Menteri.

"Kebanyakan yang menegur dan mengkritik pimpinan Dr. Mahathir akan dicantas terus, kita tak ada suara, buatlah kerja macam mana teruk sekalipun kita tetap tiada suara. PPBM memperjuangkan nasib Mukriz semata-mata lebih kurang perjuangan PKR yang memperjuangkan Datuk Seri Anwar Ibrahim

"Ramai ahli PPBM tidak berani bersuara kerana Dr. Mahathir sudah mulakan satu sentimen iaitu bila kita bersuara kita akan dicop sebagai pemakan dedak," katanya dalam sidang akhbar khas di sini hari ini.